

ISLAH DAN TAJDID: PENDEKATAN PEMBINAAN SEMULA TAMADUN ISLAM

Muhamad Zaid Ismail & Norahida Mohamed

Abstrak

Makalah ini mengupas tentang fenomena islah dan tajdid yang berlaku ketika tamadun Islam berada dalam fasa berhenti daripada memberi sumbangan kepada dunia serta sejauh mana islah dan tajdid menjadi salah satu pendekatan dalam membangunkan kembali peradaban Islam. Antara perkara yang akan diteliti ialah berkaitan konsep islah dan tajdid seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis serta pandangan tokoh-tokoh Islam. Selain itu, makalah ini juga menyentuh tentang skop dan cara pengislahan yang menjadi tumpuan para mujaddid ketika melaksanakan pembaikan dan pembaharuan sebagai respons terhadap permasalahan yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Tumpuan dan pendekatan mujaddid dalam melaksanakan tugas islah dan tajdid dapat dilihat dalam aspek politik, agama, sosial, pendidikan dan sebagainya. Aspek lain yang turut dibincangkan adalah berkaitan matlamat yang perlu dicapai dalam gerakan islah dan tajdid menurut perspektif Islam. Makalah ini membuat penelitian terhadap beberapa ayat al-Quran yang menyentuh tentang islah dan tajdid sama ada secara langsung atau tidak langsung. Akhirnya, didapati islah dan tajdid merupakan proses penting yang dilaksanakan oleh umat Islam bagi mengembalikan kegemilangan tamadun Islam berdasarkan panduan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Kata Kunci: *Tamadun Islam, Islah, Tajdid, Cara, Matlamat*

1. PENDAHULUAN

Sejak ribuan tahun yang silam, dunia telah menyaksikan kemunculan pelbagai peradaban dari pelbagai bangsa yang memiliki ciri-ciri tersendiri hasil daripada faktor-faktor pemikiran, persekitaran atau pengaruh luaran peradaban lain. Terdapat juga peradaban sesuatu bangsa yang masih kekal bertahan hingga ke hari ini dan tidak kurang juga banyak peradaban yang telah musnah dan hanya tinggal sebagai bahan kajian sejarah.

Berhentinya sesuatu tamadun daripada memberi sumbangan berbeza daripada kepupusan dan kemusnahan. Pemberhentian merupakan satu proses spontan yang dilalui oleh tamadun disebabkan kerosakan sebahagian atau semua kriterianya. Dari segi konsepnya, tamadun itu tetap wujud, bahkan mungkin elemen-elemen konsep itu masih diamalkan, namun skop sumbangannya mula terhad. Tamadun Islam semasa berada di peringkat pemberhentian daripada memberi sumbangan masih memiliki komponen yang masih memberi sumbangan kepada tamadun lain. Manakala kepupusan dan kemusnahan bererti hilangnya tamadun daripada kewujudan dan bertukar menjadi sisa-sisa warisan budaya yang biasanya dinilai melalui seni bina, penulisan ilmiah dan falsafah.¹

Bagi umat Islam, pemberhentian daripada memberikan sumbangan mempunyai kepentingannya tersendiri.² Antara hikmah daripada keadaan ini ialah menjadikan umat Islam berusaha keras untuk memulakan semula perjalanan tamadun. Mereka

¹ Dr. Muhammad Ali Dannawi, Terj., *Mukaddimah Memahami Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2006), 51.

² *Ibid.*, hlm. 52.

menyedari tanggungjawab besar perlu dipikul akibat berhentinya tamadun yang sebahagian daripada umat Islam menganggap ia adalah hukuman akibat penyelewengan umat daripada ajaran dan amalan Islam yang sahih. Adalah tidak munasabah tamadun dapat memberikan sumbangan dalam suasana penyelewengan sebagaimana tidak patut penyelewengan ini berterusan tanpa hukuman yang adil.³

Sesungguhnya kebangkitan gerakan islah yang muncul ketika umat Islam dihimpit permasalahan merupakan hikmah di sebalik kemerosotan tersebut. Gerakan ini ternyata tidak pernah berhenti untuk menyeru umat Islam agar kembali kepada Islam dalam hakikat dan sifatnya yang sebenar dan semurninya. Gerakan ini juga sentiasa mengingatkan bahawa setinggi mana pun peradaban ummah itu, ketulenan Islam perlu dipelihara dan dipegang. Jelaslah bahawa kemunculan gerakan islah merupakan manifestasi daripada kegigihan sebilangan umat Islam untuk meletakkan Islam dan umatnya di tempat yang paling mulia dan terhormat.⁴

2. PENGERTIAN DAN KONSEP ISLAH DAN TAJDID

Islah adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab الإصلاح, bentuk masdar (infinitif) dari kata akar أصلح-يصلح-إصلاحاً, yang diambil dari komponen dasar صل-ل-ح dan diertikan oleh Ibnu Manzur dalam *Lisan Al-Arab* sebagai antonim kepada kerosakan (فساد) yang bermaksud menghilangkan kerosakan atau mendirikan semula sesuatu yang telah runtuh atau rosak.⁵

Dalam *Mu'jam Muyassar*, islah membawa maksud memperbaiki kerosakan atau menghilangkan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan manusia atau memperindah sesuatu.⁶ Islah menurut Kamus Dewan pula bermaksud usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai serta penyelesaian perbalahan dengan jalan baik atau dengan jalan damai.⁷

Uthman El-Muhammady pula berpendapat, perkataan islah merangkumi maksud-maksud yang lebih luas iaitu menjadikan sesuatu itu baik, betul, munasabah dengan kedudukan yang wajar, tersusun dengan baik, soleh, bertakwa, sihat, berkembang maju, berguna, bermanfaat, sesuai, layak, meletakkan sesuatu mengikut apa yang selayaknya, pengembalian kepada yang wajar, memperbetulkan, mengelokkan, membuat pembaharuan yang diperlukan, memperbaiki, menjadikan berjaya, mendamaikan dua pihak, demikian yang seterusnya.⁸

Sementara itu, Ibrahim Madkour dalam *Al-Mu'jam Al-Wajiz* mengatakan bahawa kata الإصلاح mengandungi dua makna; manfaat dan keserasian serta terhindar dari kerosakan. Perkataan ini jika ditambah dengan kata-kata tertentu akan mempunyai makna khusus: jika ditambah dengan الشيء (sesuatu) ertinya memperbaiki; jika ditambah dengan إليه (kepadanya) ertinya berbuat/bersikap baik; jika ditambah dengan kata ganti هـ (nya) ertinya membenarkannya, memperbetulkannya, memperindah, atau membuatnya lebih indah; jika ditambahkan dengan بينهم (di antara mereka) ertinya menghilangkan pertikaian dan permusuhan antara keduanya, jika

³ *Ibid.*, hlm.52-53.

⁴ Norahida Mohamed, *Muhammad Rashid Rida: Pemikir dan Reformis Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 3.

⁵ Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram, *Lisan al-Arab*, Jil.2 (Beirut: Dar Sader, 1990), 517.

⁶ Al-Khalil al-Nahwiyy, *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Muyassar*, (Tunis: Larus, 1991), 292.

⁷ *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 501.

⁸ Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "MengIslah Ummah Awlawiyyat Gerakan Islam", diakses pada 27 Ogos 2015, <http://www.mindamadani.my/content/view/20/6/>.

ditambah *في عمله* (dalam pekerjaannya) atau *في أمره* (dalam urusannya) ertinya datang dengan sesuatu yang baik dan bermanfaat.⁹

Daripada pengertian islah di atas menunjukkan bahawa islah digunakan secara meluas yang membawa pelbagai maksud dan mencakupi pelbagai aspek. Dalam al-Quran misalnya, perkataan islah dan pecahannya dipakai dalam semua bidang kehidupan manusia dari memperbaiki diri dan bertaubat, kepada perdamaian dalam sengketa suami isteri, sehinggalah kepada penyelesaian urusan ummah. Bahkan, ia digunakan juga sebagai risalah kenabian dan kerasulan dalam menegakkan kalimah Allah.¹⁰

Konsep islah dari sudut istilah pula bererti satu usaha untuk memperbaiki keadaan umat Islam yang telah rosak dan menyeleweng daripada ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW dengan cara mengajak umat Islam kembali kepada tahap umat Islam dalam generasi awal Islam dahulu, di bawah pimpinan dan bimbingan Rasulullah SAW atau sekurang-kurangnya menghampiri tahap dan keadaan generasi tersebut. Islah bukan bermaksud mengubah ajaran agama untuk disesuaikan dengan zaman, tetapi manusialah yang mesti mengubah diri mereka sendiri untuk disesuaikan dengan ajaran Islam yang bersumberkan daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.¹¹

Tajdid pula menurut Ibn Manzur, berasal daripada *jaddada* dan *yujaddidu*. Tajdid bermaksud sebagai *sayyarahu jadidan* iaitu menjadikannya baru atau bernafas baru.¹² Asas kepada konsep tajdid dalam kalangan umat Islam adalah berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةٍ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا».

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW dengan sabdanya, “Sesungguhnya Allah akan membangkitkan bagi umat ini pada awal setiap seratus tahun orang yang mentajdidkan bagi (umat)nya, agamanya. (Hadis riwayat Abu Daud)

Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya *Min Ajli Sahwah Rashidah Tujaddidu al-Din wa Tanhadu bi al-Dunya* menyebut, al-Azizi mentakrifkan tajdid sebagai menghidupkan apa yang dipelajari daripada al-Quran dan al-Sunnah dan perkara-perkara yang bersesuaian dengan kedua-duanya. Tajdid ini lebih menjurus kepada tajdid amal.¹³ Beliau juga menjelaskan tajdid sebagai satu usaha dan percubaan untuk mengembalikan sesuatu seperti keadaan asal. Perkara ini dijelaskan oleh beliau sebagai:

“Mentajdid sesuatu bererti upaya mengembalikannya kepada keadaan asal sehingga ia tampil seakan-akan barang yang baharu. Ini dilakukan dengan cara memperkukuh sesuatu yang lemah, memperbaiki sesuatu yang usang

⁹ Nabil Abdurrahman, “Islah Dalam Perspektif al-Qur’an”, diakses pada 27 Ogos 2015,

<http://curatcoretnabil.blogspot.com/2012/03/konsep-ishlah-dalam-perspektif-al-Qur'an.html>.

¹⁰ Dr. Abdul Rauh Yaacob, “Gerakan Islah dan Tajdid di Dunia Islam”, dlm. Sejarah dan Tamadun Islam, PY1262, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 296.

¹¹ *Ibid.*

¹² Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram, *Lisan al-Arab*, Jil.3 (Beirut: Dar Sader, 1990), 111.

¹³ Yusuf al-Qaradhawi, *Min ajli Sahwah Rashidah Tujaddidu al-Din wa Tanhadu bi al-Dunya*, (Tanta: Dar al-Bashir li al-Thaqafah wa al-'Ulum al-Islamiyyah, 1994), 30-31.

dan menampal sesuatu yang retak sehingga kembali mendekati bentuknya yang pertama. Dengan kata lain, tajdid tidak bererti meruntuhkan binaan yang pertama atau menggantikannya dengan yang baharu. Usaha mentajdid agama, bukan bermakna merubah agama tetapi mengembalikannya menjadi seperti dalam era Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin.

Muhammad al-Ghazali pula mengibaratkan proses tajdid dengan merujuk kepada perbuatan membasuh baju. Apa yang dilakukan adalah mencuci baju tersebut agar menjadi bersih seperti baru, bukan mengubah, menambah, atau mengurangkan apa-apa pada entiti baju tersebut demi menunjukkan kebaruannya walaupun kekotoran masih ada.¹⁴

Hal ini bermaksud tajdid ialah usaha memperbaiki kefahaman Muslim dan manusia seluruhnya terhadap Islam, bukan memperbaiki Islam itu sendiri. Sebagai suatu ajaran wahyu, Islam telah disempurnakan oleh Allah. Sebarang perubahan hanya akan mengakibatkan kerosakan kepada kesempurnaan tersebut, bukan pembaikan. Islam juga tidak memerlukan pembaikan berterusan seolah-olah ia berevolusi bersama masa. Kesempurnaan kefahaman ini pula, diperoleh melalui perubahan pada manusia, bukan pada Islam.¹⁵

Maka dalam konteks Islam, sesuatu yang baharu itu hendaklah tidak mengubah agama, sebaliknya tafsiran atau pandangan yang baru disebabkan tuntutan keadaan, namun ia tetap tidak lari dari maksud dan kehendak nas al-Quran dan al-Sunnah. Dalam erti kata lain, pembaharuan Islam bermaksud mengembalikan umat kepada wajah asal Islam yang telah tercemar dan dilupai disebabkan keadaan dan zaman, atau mengadakan tafsiran dan pandangan baru atas keperluan semasa tetapi tetap berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.¹⁶

Tajdid juga boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu tajdid fizikal dan maknawi. Tajdid fizikal merupakan pembaharuan yang dilakukan melibatkan aspek-aspek luaran. Sebagai contoh memperbaharui bangunan klasik seperti istana, rumah ibadat dan masjid. Pembaharuan dari sudut fizikal bukanlah bermakna meruntuhkan bangunan lama lalu dibina bangunan menurut model terbaharu pada tapak lama, tetapi apa yang dikatakan pembaharuan itu adalah mengekalkan bangunan lama dengan memulihkan bentuknya yang asal dengan segala panorama.¹⁷

Manakala *Tajdid Maknawi* berlaku pada agama sama ada dalam bentuk pembaharuan kefahaman (*tajdid fikri*) atau tajdid amal yang meliputi *tajdid imani* dan *tajdid ruhi*. Abu Ala al-Maududi menyebut *tajdid imani* ialah satu keperluan manusia untuk memurnikan semula kefahaman dan amalan Islam sebaik sahaja dinodai oleh unsur jahiliah. Keperluan untuk mentajdidkan iman dijelaskan dalam hadis sahih daripada Abu Hurairah RA:

¹⁴ Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Hj Ab Majid, "Pertimbangan Teoretikal Dalam Proses Tajdid Semasa", dlm. *Jurnal Usuluddin* (Januari – Jun 2012), 35: 47-60, diakses pada 26 Ogos 2015.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Prof. Madya. Dato' Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin, "Tajdid Satu Keperluan Ummah", diakses pada 27 Ogos 2015, <http://drmaza.com/home/?p=623>.

¹⁷ Yusuf al-Qaradhawi, *Min aqli Sahwah Rashidah*, 30-31. Lih. j. Mohamad Kamil Ab. Majid, *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000), 5.

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: «قال ربكم عز وجل لو أن عبادي أطاعوني لأسقيتهم المطر بالليل وأطلعت عليهم الشمس بالنهار ولما أسمعتهم صوت الرعد، وقال رسول الله إن حسن الظن بالله عز وجل من حسن عبادة الله، وقال رسول الله صلى الله عليه وسلم جددوا إيمانكم»، قيل: يا رسول الله وكيف يجدد إيماننا؟ قال: «أكثرُوا من قول لا إله إلا الله».

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi SAW bersabda, "Tuhanmu berfirman, "kalaulah hamba-Ku mentaatiku nescaya Aku akan memberi mereka minum hujan di malam hari dan akan menerbitkan mereka cahaya matahari di siang hari. Dan sudah tentu aku tidak menakutkan mereka dengan bunyi guruh atau petir." Rasulullah SAW bersabda lagi, "Sesungguhnya sangkaan yang baik terhadap Allah SWT adalah sebaik-baik kebaikan daripada hamba-hamba Allah SWT" Kemudian Rasulullah SAW menambah, "perbaharuilah imanmu." Lalu Rasulullah SAW ditanya, "Bagaimana kami boleh memperbaharui iman kami?" Rasulullah SAW menjawab, "(Dengan) memperbanyakkan ucapan la ilahailallah." (Hadis riwayat Ahmad)

Pembaharuan dalam agama adalah untuk membangkitkan komitmen umat terhadap Islam dalam bentuknya yang kudus dan bersih. Ia merupakan satu proses pembaikan atau pun suatu perubahan yang bertujuan membawa umat kembali kepada keaslian Islam yang utuh. Maksudnya, tajdid adalah berkaitan usaha mengembalikan sikap dan pengamalan umat Islam kepada ajaran Islam itu sendiri dan bukannya menggantikan Islam dengan ajaran yang baharu kerana dianggap tidak sesuai dengan zaman.¹⁸

Kunci utama kepada tajdid agama ialah kesedaran dan kefahaman. Kefahaman dalam agama bukan semata-mata kefahaman terhadap hukum yang terkandung dalam ilmu fiqah, tetapi kefahaman tersebut meliputi sejauh mana pengetahuan yang kita peroleh berkaitan Islam benar-benar tulen dan sahih daripada ajaran yang boleh menyesatkan dan mengelirukan umat Islam.

Kesimpulannya, tajdid atau islah membawa pengertian yang sama, iaitu proses perubahan berlandaskan akidah atau iman. Istilah-istilah ini membawa pengertian kebangkitan semula agama Islam bermula dari pembaikan dan perubahan yang perlu dilaksanakan dalam beberapa aspek yang menggugat kestabilan dan keharmonian umat Islam.

3. KEMUNCULAN MUJADDID

Kemajuan dan kemerosotan tamadun banyak ditentukan oleh manusia yang dipilih oleh Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Segala yang berlaku dalam tamadun merupakan rakaman perjalanan hidup manusia yang mengandungi kisah suka dan duka yang silih berganti. Perkembangan tamadun juga dilihat seperti perkembangan manusia yang melalui proses kelahiran, perkembangan, kecemerlangan, kejatuhan dan kematian. Dengan kata lain, manusialah sebenarnya yang bertanggungjawab dalam menentukan perkembangan tamadun kerana yang melahirkan tamadun ialah manusia malah yang mengembangkan dan menjatuhkan tamadun juga adalah manusia.

¹⁸ Norahida Mohamed, *Muhammad Rashid Rida*, 7.

Ketika umat Islam menemui diri mereka dalam keadaan jumud dan mengalami kegagalan dalam mengembangkan sejarah tamadun Islam, dalam keadaan inilah, Allah menjaga agama-Nya melalui pengantara seorang yang melakukan tajdid untuk menyegarkan dan memurnikan kembali pemahaman agama dan menempatkan agama pada kedudukan yang sewajarnya. Kemunculan mujaddid dalam dunia Islam ada disebut dalam hadis Rasulullah SAW yang berbunyi¹⁹:

عن أبي هريرة رضي الله عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةٍ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا».

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW dengan sabdanya, "Sesungguhnya Allah akan membangkitkan bagi umat ini pada awal setiap seratus tahun orang yang mentajdidkan bagi (umat)nya, agamanya. (Hadis riwayat Abu Daud)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT akan terus memelihara agama ini melalui mujaddid untuk memerangi ancaman terhadap Islam dan menghidupkan kembali ajaran Islam yang sebenarnya. Menurut Yusuf al-Qaradhawi, hadis ini bertujuan membangkitkan rasa optimis pada jiwa kaum Muslimin dan mengingatkan umat Islam bahawa agama Islam tidak akan mati, dan setiap masa tertentu Allah SWT akan mengutus orang yang mampu melakukan tajdid dan Islah terhadap agama.²⁰

Hadis ini adalah juga merupakan berita gembira untuk umat Islam dan bukti yang kukuh mengenai agama Islam yang sentiasa dipelihara oleh Allah melalui perutusan nabi, rasul dan juga mereka yang mengikuti jalan dakwah bagi menyedarkan umat Islam tentang kelemahan mereka dan membebaskan mereka daripada kesesatan. Hadis ini juga memberikan satu kekuatan kepada umat Islam untuk melaksanakan tajdid dan memberi keyakinan terhadap pertolongan Allah kepada hamba-hambanya yang beriman.

Para ulama telah membahaskan beberapa perkara untuk memahami sejarah tajdid ini berdasarkan hadis ini. Antara aspek yang dibincangkan berkaitan hadis ini ialah penentuan bilakah mujaddid muncul. Ini merujuk kepada perkataan "Pada awal seratus tahun" atau "رأس كل مائة سنة" bukanlah 'tahun seratus' atau 'seratus satu', tetapi masa-masa terakhir setiap abad dan masa-masa awal abad yang berikutnya. Malahan, kita sebenarnya tidak mampu memastikan apakah yang dimaksudkan ialah tahun Hijriah, tahun kewafatan Rasulullah SAW atau tahun pengutusan baginda. Apa yang penting, Allah tidak akan sekali-kali membiarkan umat Islam tanpa mengutus orang yang boleh menyedarkan mereka daripada kelalaian dan menyatupadukan mereka daripada perpecahan.²¹

Hadis ini menjelaskan mengenai tajdid agama dan orang yang akan melaksanakan tugas tajdid tersebut. Mengikut pendapat ulama, antaranya ialah Ahmad bin Hanbal seperti yang dinyatakan oleh Ibn al-Jauzi, sesungguhnya Umar bin Abdul Aziz merupakan tokoh islah dan tajdid yang pertama dipilih oleh Allah

¹⁹ Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sijistani, *Sunan Abi Dawud*, Jil. 11, dlm. Salih bin 'Abd al-Aziz Ala I-Syakh, Mawsuah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah. (Riyad: Dar al-Salam. 2000), 13.

²⁰ Yusuf al-Qaradhawi, *Min Aji Sahwah Rashidah*. Hlm. 11.

²¹ *Ibid.*, hlm. 25-26.

untuk menegakkan kebenaran dan membuat pembaharuan secara menyeluruh kepada umat Islam.²²

Berkaitan dengan perkataan *man* atau 'orang' dalam hadis di atas seperti yang difahami oleh kebanyakan orang ianya merupakan lafaz untuk mufrad (seorang). Kerana itu, ada yang beranggapan mujaddid itu terdiri daripada orang perseorangan yang terlibat dalam menyelesaikan permasalahan yang ada ketika itu.

Menurut al-Hafiz al-Zahabi dan Ibn Athir, *man* dalam hadis ini juga ditujukan untuk jamak (ramai), bukan untuk mufrad (satu atau seorang) sahaja. Imam al-Nawawi pula menegaskan boleh jadi kemunculan mujaddid pada setiap kurun berbentuk satu kumpulan manusia yang terdiri daripada pelbagai bidang sesuai dengan kehebatan dan kepakaran masing-masing seperti dalam peperangan, fiqah, hadis, tafsir atau sesiapa sahaja yang melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Ini berdasarkan hadis لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق [sentiasa akan ada segolongan dari umatku yang menegakkan kebenaran] yang jelas menunjukkan bahawa kebenaran itu pasti akan ditegakkan oleh sekelompok manusia yang dipilih oleh Allah. Tidak juga menjadi kemestian para mujaddid akan muncul serentak dalam satu negeri ataupun tempat.²³

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa mujaddid tidak semestinya bersifat perseorangan sebagaimana yang berlaku pada masa terdahulu, tetapi ia juga boleh berlaku dalam bentuk jemaah. Mungkin juga mereka ini merupakan jemaah yang mempunyai organisasi, aliran pemikiran atau sebuah gerakan. Ini berdasarkan alasan bahawa kerosakan yang melanda umat telah hampir menembusi dan menyelinap ke seluruh aspek penting: akidah, pemikiran, perilaku, kehidupan sosial, ekonomi, dan politik. Kemungkinan besar jika mujaddid ini hanya berseorangan, ia tidak akan dapat melawan dan menghadapi kerosakan teruk yang melanda ini.²⁴

Walaupun perjuangan mujaddid ini sama ada secara individu atau kumpulan, perbezaan *manhaj* dalam beramal untuk Islam dan banyaknya jemaah dalam rangka melakukan usaha tajdid bukanlah satu perkara yang dicela di sisi Allah SWT dan orang-orang yang beriman, selagi perbezaan tersebut bersifat kepelbagaian dan bukannya bersifat permusuhan dan perpecahan.²⁵

Agama dalam hadis ini mempunyai dua pengertian iaitu agama yang merujuk kepada ajaran yang telah diturunkan oleh Allah kepada nabi Muhammad SAW yang mengandungi aspek akidah, ibadah, akhlak dan syariat. Ajaran-ajaran yang terkandung dalam Islam bertujuan mengatur hubungan manusia dan Tuhannya serta hubungan manusia sesama manusia. Jika diteliti dari sudut asasnya, ajaran-ajaran ini ialah perkara *qat'i* yang tidak menerima perubahan dan pembaharuan.²⁶

Pengertian kedua pula berkaitan dengan keadaan manusia dan hubungannya dengan ajaran yang dijelaskan dalam pengertian yang pertama. Hal ini untuk melihat sejauh mana pegangan umat terhadap ajaran-ajaran Islam yang dinilai dari sudut kefahaman, pemikiran, amalan dan penghayatan. Inilah yang dimaksudkan dengan agama dalam hadis ini yang memberi makna bahawa penghayatan agama dalam kalangan umat Islam sering berubah. Pemahaman manusia terhadap agama sentiasa berubah mengikut iman yang boleh meningkat dan boleh menjadi lemah.²⁷

²² Ibn Kathir, *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Juzuk 6, Cetakan ketiga, (Beirut: Dar al-Fikr, 1998), 347.

²³ *Ibid.*, 19-20.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*, 22.

²⁶ *Ibid.*, 29.

²⁷ *Ibid.*

Jadi, jelas di sini bahawa tajdid agama bukan bermakna mentajdid agama Allah tetapi tajdid agama umat.

4. ISLAH DAN TAJDID SEBAGAI PENDEKATAN PEMBINAAN TAMADUN

Perkara yang perlu diketahui oleh umat Islam ialah kejatuhan tamadun hakikatnya bukan bermakna kejatuhan Islam. Tetapi kejatuhan tersebut merupakan petanda bahawa perjalanan manusia yang diciptakan oleh Allah sebagai khalifah untuk memakmurkan dunia ini telah tergelincir daripada landasan fitrahnya dan menyimpang daripada tujuan asal penciptaan manusia iaitu untuk beribadah. Akibatnya, umat Islam bukan sahaja berhadapan dengan keruntuhan sesuatu tamadun, tetapi berhadapan dengan krisis kemanusiaan yang terhasil akibat faktor-faktor yang membawa kemerosotan tamadun ini.²⁸

Kejatuhan tamadun Islam juga memperlihatkan kebangkitan tamadun Barat yang mendominasi tamadun-tamadun lain dari segenap penjuru. Akan tetapi, kebangkitan tamadun tersebut bukan semata-mata membawa kemajuan sains dan teknologi yang mengagumkan, malah di sebalik kerakusan membina tamadun, mereka menambahkan lagi krisis kemanusiaan yang berlaku pada hari ini. Sejarah membuktikan bahawa tamadun Barat telah membina ketamadunannya melalui penindasan, kezaliman dan ancaman terhadap kemanusiaan berlaku dengan lebih canggih serta menghasilkan kemajuan sains dan teknologi yang meletakkan manusia dalam kekeliruan dan kecelaruan minda yang hebat.²⁹

Natijah daripada kemerosotan peradaban Islam ini telah menyebabkan kemunculan ramai tokoh Islah dan tajdid untuk memurnikan kembali kefahaman dan amalan Islam secara syumul serta mengembalikan keagungan peradaban Islam. Ternyata kehadiran mereka telah memberi nafas baharu dan cahaya kepada dunia Islam yang sebelumnya sering diselubungi oleh kemunduran dan kelemahan. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT:

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.” (Surah Ali Imran 3:104)

Antara aspek pengislahan yang sering menjadi tumpuan tokoh islah adalah untuk menghidupkan kembali roh dan kefahaman agama dalam kalangan umat Islam dalam bentuk yang suci bersih daripada sebarang bentuk bidaah yang menyesatkan, khurafat dan penyelewengan. Perintah islah menurut perspektif Islam secara umumnya menyeru kepada pembaikan menyeluruh yang mencakupi pembaikan dari aspek akidah, ibadah, akhlak, ekonomi, politik dan sebagainya.³⁰

Al-Zarqani telah menyebutkan di dalam bukunya "*Manahil al-'Irfan*" beberapa bentuk atau cara pengislahan dan penyelesaiannya. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- i. *Islah al-aqa'id* (islah keyakinan), caranya dengan jalan membimbing manusia kepada hakikat permulaan dan pengakhiran kehidupan serta antara keduanya di bawah ruang lingkup iman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari Akhirat.

²⁸ Mohd Nakhaie Ahmad, "Pengantar Bicara Tajdid (Reformasi)" dlm. Zalilah Bahari dan Siti Suhafzan Sh. Ibrahim, *Tajdid Pemikiran Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, 2009), 4.

²⁹ *Ibid.*, 4-5.

³⁰ *Ibid.*

- ii. *Islah al-'ibadah* (islah peribadatan), caranya dengan jalan membimbing manusia kepada sesuatu yang menyucikan jiwa, meluruskan keinginan, memberi faedah kepada orang lain baik itu individu mahupun secara berkumpulan.
- iii. *Islah al-akhlak* (islah akhlak), caranya dengan jalan membimbing manusia kepada kebaikan-kebaikan diri mereka dan menjauhkan mereka daripada perkara yang boleh membawa kepada kehinaan diri mereka tanpa ada unsur melebihi-lebihkan atau sebaliknya.
- iv. *Islah al-ijtima'* (islah kemasyarakatan), caranya dengan jalan membimbing manusia kepada penyatuan ummah dan penghapusan ta'asub serta menghilangkan perbezaan-perbezaan yang menjauhkan umat Islam.
- v. *Islah al-siyasah* (islah politik) atau *al-hukmi ad-dauli* (hukum pemerintahan), caranya dengan jalan menegakkan keadilan secara mutlak, mengutamakan persamaan antara manusia, adil, boleh dipercayai, menepati janji, tidak pilih kasih dan penuh rasa kasih sayang; jauh dari kezaliman, pengkhianatan, kebohongan dan penipuan.³¹

Justeru, kita dapati perkara yang sering diutarakan oleh tokoh-tokoh islah ialah tentang kepentingan umat Islam kembali kepada al-Quran dan Sunnah dan berpegang teguh kepada ajaran Islam yang suci. Mereka berusaha membetulkan kekeliruan masyarakat yang mengatakan Islam hanya untuk aspek rohani dan ibadah sahaja.³² Mereka juga berusaha memurnikan kembali kefahaman umat terhadap ajaran Islam yang dicemari dengan unsur-unsur jahiliah dan unsur asing yang menyeleweng daripada syariat Islam. Jauhnya umat Islam dari memahami isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah yang sepatutnya menjadi pegangan dan panduan bagi umat Islam merupakan petanda hilangnya sendi kekuatan peradaban Islam.³³

Sebagai contohnya, Badiuzzaman Said Nursi (1399H/1979M) telah berjuang melalui *Rasail al-Nur* bagi memulihkan kepercayaan umat Islam terhadap agama Islam dalam masyarakat sekular Turki. Badiuzzaman Said Nursi adalah tokoh Islam di era transformasi di antara pemerintahan Uthmaniyah dan Turki di bawah pemerintahan Kamal Atatürk yang menyaksikan kejatuhan kerajaan Uthmaniyah dan sistem khalifah serta bagaimana di atas asas Islam ini tertegaknya Republik Turki, sebuah negara berpaksikan kepada ideologi sekular. Pengamatan terhadap situasi yang berlaku ketika itu telah membuatkan beliau melihat bahawa kefahaman dan penghayatan keimanan adalah cara terbaik untuk mengeluarkan umat Islam dari masalah yang dihadapi.³⁴

Para mujaddid juga melaksanakan islah dan tajdid dalam aspek pendidikan. Mereka memberikan tumpuan kepada proses mewujudkan dan memperkasakan daya intelektualisme umat Islam sebagai asas yang penting dalam membina kembali keagungan tamadun Islam.³⁵ Mereka menekankan bahawa untuk umat Islam bangkit maju semula, mereka wajib mempunyai kepakaran dalam kedua-dua bidang ilmu,

³¹ Nabil Abdurrahman, "Islah Dalam Perspektif al-Qur'an".

³² Rahimin Affandi Abd. Rahim. "Menangani Cabaran Globalisasi: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa", dlm. Mohd. Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Muki dan Che Zarrina Sa'ari (ed), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa* (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 218.

³³ Norahida Mohamed. Muhammad Rashid Rida, 80.

³⁴ Mohamad Zaidin Mohamad, "Al-Nursi: Tokoh Islam Di Era Transformasi Uthmani-Turki". Diakses pada 24 Ogos 2015. <http://www.malaysianur.com/al-nursi-tokoh-islam-di-era-transformasi-uthmani-turki>.

³⁵ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Menangani Cabaran Globalisasi", 218.

iaitu ilmu agama dan ilmu duniawi kerana sememang pada asalnya kedua-dua ilmu ini adalah kepunyaan Allah SWT. Perkara ini juga telah diutarakan oleh Badiuzzaman Said Nursi yang menyebut tentang kepentingan mempelajari ilmu sains dan ilmu agama secara bersepadu bagi menyaingi kuasa Barat serta melindungi umat Islam daripada kekufuran dan ketaasuban.³⁶

Usaha-usaha tajdid dan islah juga memberi tumpuan terhadap aspek politik. Umat Islam bukan sahaja berhadapan dengan serangan dan tentangan musuh-musuh negara-negara Barat yang mahu menjatuhkan Islam, bahkan turut menghadapi krisis dalaman yang berpunca daripada kepimpinan yang lemah. Kewujudan pemimpin yang tidak amanah inilah sebenarnya yang menjadi sebab langsung kepada kemunduran masyarakat Islam.³⁷ Sehubungan itu, proses islah dan tajdid penting dalam memastikan umat Islam berjaya melaksanakan syariat Islam, sama ada pelaksanaannya secara *juz'ie* di sesetengah negara mahu pun gesaan untuk menjadikan syariat Islam sebagai sumber perundangan dan Islam sebagai agama yang tertinggi.³⁸

Islah dalam apa jua konteks dan keadaan mempunyai matlamat tertentu sama ada untuk jangka masa pendek ataupun panjang. Secara umumnya, matlamat daripada kerja-kerja pengislahan sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran adalah seperti yang berikut:³⁹

- i. Merealisasikan konsep ukhuwah, menjaga kepercayaan dan memelihara ikatan kasih sayang serta mengembalikan jambatan rasa cinta atau keprihatinan antara sesama manusia.⁴⁰
- ii. Menjaga keharmonian kehidupan bermasyarakat yang dimulai dengan kehidupan berkeluarga.⁴¹
- iii. Menjaga kelestarian dan keseimbangan alam.⁴²
- iv. Menghilangkan rasa takut atau khuatir dan kesedihan dalam menjalani kehidupan.⁴³
- v. Menjaga rahsia-rahsia pihak-pihak yang bertikai.⁴⁴
- vi. Melaksanakan salah satu kewajipan Allah SWT dengan menyedari bahawa islah adalah salah satu ibadah yang di perintahkan oleh-Nya untuk dilaksanakan oleh hamba-hambaNya.⁴⁵
- vii. Mengharapkan keampunan dan *mahgfirah* Allah SWT serta keredhaan dan pahala dari Allah SWT di akhirat nanti dan dimasukkan ke dalam syurga bersama-sama keluarga yang sama-sama melakukan pembedaan.⁴⁶

KESIMPULAN

Dalam abad ini, umat Islam berhadapan dengan kenyataan kebangkitan Barat yang mengungguli mereka terutamanya dalam aspek sains dan teknologi. Situasi ini telah membuahkan pelbagai respons dalam kalangan umat Islam berdasarkan pada corak

³⁶ Mohamad Zaidin Mohamad, "Al-Nursi: Tokoh Islam Di Era Transformasi Uthmani-Turki".

³⁷ Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Hj Ab Majid, "Pertimbangan Teoretikal", 56.

³⁸ Dr. Muhamad Ali Dannawi, *Mukaddimah Memahami Tamadun Islam*, 56.

³⁹ Nabil Abdurrahman, "Islah Dalam Perspektif al-Qur'an".

⁴⁰ Surah al-Hujurat 49: 10 dan Surah Ali-Imran 3: 103

⁴¹ Surah al-Baqarah 2: 182, Surah al-Nisa' 4:128-129, Surah al-Anfal 8: 1.

⁴² Surah al-Syuara'26: 150-152 dan Surah al-Araf 7: 56.

⁴³ Surah al-An'am 6: 48

⁴⁴ Surah al-Nisa'4: 114.

⁴⁵ Surah al-Anfal 8: 1 dan Surah al-Hujurat 49: 9-10

⁴⁶ Surah al-Maaidah 5: 39, Surah al-Nisa' 4: 114 dan Surah al-Ra'd 13: 23-24.

keislaman mereka bagi menyelesaikan kemelut yang sedang mereka hadapi. Ada yang mengakui bahawa umat Islam memang jauh ketinggalan dari Barat serta beranggapan umat Islam perlu meniru seratus-peratus kemajuan yang dicapai oleh Barat dengan menolak agama. Ada pula yang memberi respons dengan menolak apa pun yang datang dari Barat sebab mereka beranggapan bahawa apa yang datang dari Barat itu berada di luar lingkungan Islam. Manakala, kumpulan reformis pula meyakini Islam adalah penyelesaian yang terbaik kepada permasalahan yang ada dan umat harus kembali pada al-Quran dan al-Sunnah.

Daripada penelitian di atas, jelaslah bahawa islah dan tajdid merupakan satu proses berterusan yang perlu dilakukan oleh seluruh umat Islam dalam usaha mengembalikan kegemilangan tamadun Islam. Apa yang perlu difahami ialah tajdid tidak boleh disamakan dengan pengertian modenisasi. Hal ini kerana tajdid mengubah manusia dan keadaannya, manakala modenisasi mengubah agama agar selaras dengan manusia dan keadaannya. Sehubungan itu, ummah perlu mengambil perhatian dalam menilai perubahan yang ingin dilakukan apabila melaksanakan proses tajdid dan islah.⁴⁷

Kesimpulannya, usaha dan gerakan islah dan tajdid adalah satu keperluan umat di seluruh negara lebih-lebih lagi ketika umat Islam sedang menghadapi krisis dalaman yang dikeruhkan lagi dengan campur tangan Barat. Kemuliaan orang yang melaksanakan islah dan tajdid ini dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Islam itu bermula dalam keadaan yang asing, dan akan kembali asing maka beruntung mereka yang asing.” Ditanya baginda: “Siapakah mereka wahai Rasulullah!”. Jawab baginda: “Mereka yang membaiki ketika manusia rosak”. (Riwayat Ahmad)⁴⁸

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Abdul Rauh Yaacob, Dr. “Gerakan Islah dan Tajdid di Dunia Islam”, dlm. *Sejarah dan Tamadun Islam*, PY1262. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash’ath al-Sijistani, *Sunan Abi Dawud*, Jil. 11, dlm. Salih bin ‘Abd al-Aziz Ala l-Syakh, Mawsuah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah. Riyad: Dar al-Salam. 2000.

Al-Khalil al-Nahwi. *Al-Mu’jam al-‘Arabiyy al-Muyassar*. Tunis: Larus, 1991.

al-Qaradhawi, Yusuf. *Min aji Sahwah Rashidah Tujaddidu al-Din wa Tanhadhu bi al-Dunya*. Tanta: Dar al-Bashir li al-Thaqafah wa al-‘Ulum al-Islamiyyah. 1994.

Az-Zarqani. *Manahil Al-Irfan Fi ‘Ulum Al-Qur’an*, Lubnan: Dar Al-Fikr, 1996.

Ibn Kathir. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Juzuk 6. Cetakan ketiga. Beirut: Dar al-Fikr, 1998.

Ibn Manzur Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram. *Lisan al-Arab*. Jil.2. Beirut: Dar Sader, 1990.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

⁴⁷ Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Hj Ab Majid, “Pertimbangan Teoretikal”, 52-53.

⁴⁸ Prof. Madya. Dato’ Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin, “Tajdid Satu Keperluan Ummah”.

- Mohamad Kamil Ab. Majid. *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000.
- Mohamad Zaidin Mohamad. "Al-Nursi: Tokoh Islam Di Era Transformasi Uthmani-Turki". Diakses pada 24 Ogos 2015. <http://www.malaysianur.com/al-nursi-tokoh-islam-di-era-transformasi-uthmani-turki>.
- Mohd Asri bin Zainul Abidin, Prof. Madya. Dato' Dr. Tajdid Satu Keperluan Ummah, diakses pada 27 Ogos 2015. <http://drmaza.com/home/?p=623>.
- Mohd Nakhaie Ahmad. "Pengantar Bicara Tajdid (Reformasi)" dlm. Zalilah Bahari dan Siti Suhafzan Sh. Ibrahim. *Tajdid Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, 2009.
- Muhammad Ali Dannawi, Dr. Terj. Mukaddimah Memahami Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2006.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Mengislah Ummah Awlawiyyat Gerakan Islam" di akses pada 27 Ogos 2015. <http://www.mindamadani.my/content/view/20/6/>.
- Nabil Abdurrahman, "Islah Dalam Perspektif al-Qur'an". diakses pada 28 Ogos 2015. <http://curatcoretnabil.blogspot.com/2012/03/konsep-ishlah-dalam-perspektif-al-Qur'an.html>.
- Norahida Mohamed. *Muhammad Rashid Rida: Pemikir dan Reformis Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. Menangani Cabaran Globalisasi: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa. dlm. Mohd. Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abd. Muki dan Che Zarrina Sa'ari (ed), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Wan Adli Wan Ramli dan Mohamad Kamil Hj Ab Majid. "Pertimbangan Teoretikal Dalam Proses Tajdid Semasa". Dlm. *Jurnal Usuluddin* (Januari – Jun 2012), 35: 47-60.